

Mesyuarat pertama angkat skim veteran ATM Isnin

Kuala Lumpur: Buat julung kalinya, Kerajaan Perpaduan akan mengangkat agenda skim veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) berpencen dan tidak berpencen pada Mesyuarat Pertama Skim Perkhidmatan dan Persaraan yang akan diadakan Isnin depan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata perkara itu tidak pernah dimasukkan dalam kajian semula skim perkhidmatan dan persaraan sebelum ini.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, ia adalah langkah jangka panjang yang diambil Kerajaan Perpaduan bagi menjamin kelangsungan hidup dan kebajikan warga veteran ATM.

Beliau berkata, selagi skim sedia ada tidak dirombak, khususnya yang membabitkan Sistem Perkhidmatan dan Persaraan ATM, selama itulah golongan veteran ini dibebani dengan masalah yang tidak pernah selesai.

“Kita boleh terima bantuan sara hidup yang ditambah, tetapi ia tidak menyelesaikan masalah keseluruhan veteran. Yang menamatkan perkhidmatan sebelum 2013 sahaja, sudah membabitkan 89,898 orang. Ini jumlahnya kalau dibiarkan, jadi kronik.

“Jadi, saya teliti gesaan Menteri Pertahanan dan Kementerian Pertahanan. Isnin depan, ada mesyuarat pertama mengenai Skim Perkhidmatan dan Persaraan Negara.

“Kali pertama seluruh isu skim veteran berpencen dan tidak berpencen ini akan dimasukkan dalam agenda ketetapan mesyuarat negara untuk menentukan (penilaian semula kepada) skim ini,” katanya ketika berucap pada Program Pemerkasaan Usahawan Vatan ATM di Wisma Perwira, Kementerian Pertahanan di sini, semalam.

Anwar menjelaskan, agenda berkaitan skim persaraan membabitkan veteran tentera ini tidak pernah dimasukkan dalam mesyuarat berkenaan sebelum ini.

“Sebelum ini dalam agenda mesyuarat, tak dimasukkan skim pencen ini. Ini kali pertama. Bagi saya tempoh untuk menentukan keseluruhannya.

“Kita akan tentukan implikasi kewangannya, tapi insya-Allah sekurang-kurangnya kita dapat menyelesaikan masalah satu untuk semua. Kalau tidak, pergilah ke mana pun asyik mengeluh saja veteran ini,” katanya.

Ditemui media selepas majlis

itu, Anwar menjelaskan jawatan kuasa yang dipengerusikan Perdana Menteri bagi membincangkan skim itu, sudah lama tidak bersidang, walaupun secara umumnya kajian mesti dibuat bagi tempoh setiap 10 tahun.

“Kali terakhir adalah pada 2012 dan sepatutnya persiapan itu satu, dua tahun sebelum ini. Jadi pada Isnin, kita adakan mesyuarat menyeluruh untuk mengkaji dan membuat pembaharuan dalam skim perkhidmatan awam.

“Juga bagaimana boleh meningkatkan peruntukan dan pendapatan semua skim perkhidmatan lain, termasuk yang pertama kali soal veteran berpencen dan veteran tak berpencen yang jumlahnya agak besar ini,” katanya.

Veteran dalam program GLC

Dalam pada itu, Anwar berkata, beliau akan mengarahkan Kementerian lain serta agensinya, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) serta syarikat berkaitan pelaburan kerajaan (GLIC), untuk memasukkan veteran dalam setiap program mereka.

“Rabu ini, kita akan bawa ke mesyuarat Jemaah Menteri. Saya cadangkan semua agensi kerajaan, RISDA, MARA, FAMA

dan sebagainya untuk cari jalan bagaimana kita boleh berikan satu saluran peruntukan termasuk dari GLC, GLIC, PETRONAS dan Khazanah Nasional ini untuk mengenal pasti keperluan dan mengambil tanggungjawab me-

nyelesaikan sebahagian dari masalah (veteran) ini.

“Kalau semuanya terbabit, ratusan syarikat.. saya ingat sekali gus.. puluhan ribu veteran boleh diserap dalam program mereka,” katanya.